KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# Bahasa Arab

## Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## TAHUN 1

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# Bahasa Arab

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

# TAHUN 1

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2015

Terbitan 2015

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN


Rukun Negara .......... v

Falsafah Pendidikan Kebangsaan .......... vi

Definisi Kurikulum Kebangsaan .......... vii

Kata Pengantar .......... ix

Pendahuluan .......... 1

Matlamat .......... 2

Objektif .......... 2

Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah .......... 3

Fokus .......... 4

Kemahiran Abad Ke-21 .......... 5

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi .......... 7

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .......... 8

Elemen Merentas Kurikulum .......... 10

Pentaksiran Sekolah .......... 13

- Pentaksiran Berasaskan Standard .......... 14
- Standard Prestasi .......... 14
- Tahap Penguasaan .......... 14
- Tafsiran Umum Pentaksiran .......... 15

Kerangka Standard Prestasi Bahasa Arab ..... 15
Organisasi Kandungan..... 16
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi..... 18
Kemahiran Mendengar dan Bertutur..... 19
Kemahiran Membaca ..... 22
Kemahiran Menulis..... 26
Standard Prestasi..... 27
Panel Penggubal..... 28

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

# FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

# DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

“3(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996
[PU(A)531/97]

## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan Standard Pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL**
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

**PENDAHULUAN**

Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah digubal bertujuan untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum tersebut dilaksanakan di sekolah sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan pembelajaran bahasa tambahan selain bahasa Inggeris seperti yang dihasratkan dalam PPPM (2013-2025). Kurikulum ini memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran tersebut dinyatakan secara spesifik dalam standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditentukan. Kejayaan murid menguasai keempat-empat kemahiran ini dapat meningkatkan kesediaan mereka untuk berinteraksi dengan bebas (*independent proficiency*). Menurut *Common European Framework of Reference for Language* (CEFR), '*independent proficiency*' bermaksud kebolehan seseorang untuk berinteraksi dalam wacana sosial dalam kehidupan dunia profesional dan akademik.

Kepentingan bahasa Arab meliputi kepentingan dalam mendalami ilmu pengetahuan, penyelidikan, sosial, ekonomi, politik, pelancongan dan hubungan antarabangsa. Ianya juga mengambil kira keperluan generasi baru untuk menguasai lebih daripada satu bahasa.

Kurikulum ini memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang pelbagai di kalangan murid. Bagi mencapai hasrat tersebut, teknik pengajaran guru yang berkesan sangat diperlukan untuk membantu murid mengalami pengalaman sebenar pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan. Amalan *lughatul-fasli* yang berkesan sangat penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran tersebut.

Sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab, pentaksiran formatif dilaksanakan terhadap murid melalui enam tahap penguasaan dalam standard prestasi. Pentaksiran tersebut dilaksanakan secara *one shot* melalui *professional judgement* guru terhadap murid. Di samping itu juga, penilaian sumatif boleh dilaksanakan oleh guru untuk menilai pencapaian murid dalam aspek penguasaan kandungan.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan Bahasa Arab ini mengandungi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat,

Objektif dan Fokus Mata Pelajaran serta Organisasi Kandungannya.

**MATLAMAT**

Matlamat Kurikulum Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah adalah untuk melahirkan murid yang menguasai kemahiran asas bahasa Arab dan mampu berkomunikasi menggunakan ayat-ayat mudah serta mengamalkan nilai-nilai murni.

**OBJEKTIF**

Kurikulum Standard Bahasa Arab menyediakan peluang kepada murid untuk mencapai objektif berikut:

1. Mendengar sebutan huruf *hijaiyah*, perkataan dan ayat mudah dengan betul.
2. Menyebut huruf *hijaiyah,* perkataan dan ayat mudah yang dihafal dengan sebutan yang betul.
3. Bertutur dengan ayat mudah berdasarkan tema yang sesuai dengan persekitaran murid.
4. Membaca perkataan dan ayat mudah dengan betul.
5. Menulis huruf *hijaiyah*, perkataan dan ayat mudah dengan betul.
6. Memahami perkataan dan ayat mudah yang dipelajari.
7. Mengaplikasikan asas tatabahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan.
8. Mengaplikasikan nilai-nilai murni dan menunjukkan tingkah laku positif dalam pembentukan peribadi individu mithali untuk pembangunan agama, bangsa dan negara.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Arab digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.




Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

**FOKUS**

Kurikulum Bahasa Arab sekolah rendah menekankan aspek penguasaan murid terhadap kemahiran bahasa dan kosa kata serta mampu menggunakannya dalam situasi yang sesuai. Pelaksanaan Kurikulum Standard Bahasa Arab ini menekankan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dan berpusatkan murid. Aspek asas tatabahasa fungsian pula diserap secara tidak langsung. Elemen kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi turut dititikberatkan.

**KEMAHIRAN ABAD KE-21**

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Bahasa Arab menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad 21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---|---|
| Berdaya Tahan | Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati. |
| Mahir Berkomunikasi | Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. |
| Pemikir | Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru. |
| Kerja Sepasukan | Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik. |
| Bersifat Ingin Tahu | Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan. |
| Berprinsip | Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka. |

| PROFIL MURID | PENERANGAN |
|---|---|
| Bermaklumat | Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh. |
| Penyayang/ Prihatin | Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar. |
| Patriotik | Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara. |

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

| TAHAP PEMIKIRAN | PENERANGAN |
|---|---|
| **Mengaplikasi** | • Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| **Menganalisis** | • Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| **Menilai** | • Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi. |
| **Mencipta** | • Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif. |

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Penggunaan pelbagai strategi pembelajaran dan pengajaran yang menekankan pembelajaran secara "*learning by doing*" merupakan salah satu usaha dalam transformasi pendidikan. Dalam konteks pembelajaran bahasa khususnya bahasa Arab sebagai bahasa asing dan bahasa tambahan kepada kanak-kanak di Malaysia, pendekatan yang menarik dan berkesan harus menjadi perkara utama dalam proses pembelajaran murid di bilik darjah. Justeru strategi pengajaran berpusatkan murid memainkan peranan yang sangat penting. Strategi ini akan menjadikan murid aktif dalam aktiviti pembelajaran di samping guru yang menjadi pembimbing mereka.

Strategi pembelajaran berpusatkan murid merupakan aktiviti yang melibatkan komunikasi dua hala samada di antara guru dan murid mahupun sesama murid di dalam bilik darjah. Melalui strategi ini, aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih berfokus kepada hasil pembelajaran dan pencapaian murid.

Pelbagai aktiviti pengajaran berpusatkan murid boleh dilaksanakan seperti Inkuiri Penemuan; Pembelajaran Koperatif; Sumbang Saran; Simulasi; Tunjuk Cara (Demonstrasi); Permainan; Projek; dan Lawatan.

### Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Strategi ini merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan proses meneroka alam semula jadi dan berasaskan lima fasa: (i) menyoal; (ii) memeriksa atau menyelidik; (iii) mereka cipta; (iv) membincangkan; dan (v) membuat refleksi.

### Pembelajaran Koperatif

Strategi ini memerlukan kerjasama murid yang mempunyai pelbagai kebolehan untuk mencapai satu matlamat yang sama dalam bentuk kumpulan. Peranan setiap ahli diperlukan untuk menunjukkan kefahaman mereka melalui agihan tugas yang diberikan. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada gerak kerja berkumpulan ini akan mendorong murid untuk saling berkongsi maklumat bagi mencapai objektif pembelajaran. Contoh aktiviti pembelajaran koperatif; *Student Team Achievement Division*, *Jigsaw*, *Round Robin*, *Round Table*,

*Team Game Tournament*, *Team Accelerated Instruction* dan *Tea Party.*

**Sumbang Saran**

Tujuan strategi sumbang saran dilakukan adalah untuk menggalakkan pemikiran murid secara imaginasi dan kreatif. Murid digarap untuk memberi sumbangan idea dalam bentuk jawapan, kesimpulan, fakta dan penerangan. Secara amnya, sumbang saran meliputi aktiviti yang sarat dengan idea murid, kepelbagaian idea, idea spontan mahupun perkembangan idea dari murid lain. Selain itu, murid juga tidak digalakkan untuk mengkritik idea rakan yang lain.

**Simulasi**

Simulasi boleh dilakukan dengan cuba mewujudkan situasi sebenar bagi sesuatu topik. Simulasi mesti dilakukan dalam keadaan terkawal melalui sosiodrama yang mengandungi skrip dan konflik, mahupun main peranan seperti lakonan spontan.

**Tunjuk Cara**

Strategi tunjuk cara boleh dilakukan melalui peranan guru sebagai pelaku yang boleh diperhatikan oleh murid untuk diikuti. Selain guru, murid-murid terpilih juga boleh berperanan sebagai penunjuk cara.

**Permainan**

Strategi ini merupakan strategi yang paling diminati oleh murid. Kanak-kanak akan memperolehi pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu dengan minat, tujuan dan faedah mereka.

**Pembelajaran Berasaskan Projek**

Objektif utama pelaksanaan projek adalah untuk pemerolehan pengetahuan yang baharu atau penggunaan pengetahuan sedia ada. Penerangan tentang tugas secara terperinci dan berulang kali serta jelas bagi setiap peranan dan tanggungjawab mereka adalah sangat penting untuk mencapai objektif pembelajaran mereka melalui kerja projek ini.

**Pembelajaran Luar Bilik Darjah**

Aktiviti ini merupakan aktiviti sokongan yang mampu menjadikan murid lebih mengingati apa yang telah dipelajari. Selain itu, aktiviti ini juga boleh menghindarkan perasaan bosan murid selama belajar di dalam bilik darjah.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

**1. Bahasa**

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

**2. Kelestarian Alam Sekitar**

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

**3. Nilai Murni**

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

**4. Sains Dan Teknologi**

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.

- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
  - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
  - Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
  - Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
  - Penggunaan teknologi dalam aktiviti P&P.

**5. Patriotisme**

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

**6. Kreativiti Dan Inovasi**

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran Abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

**7. Keusahawanan**

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

**8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.

- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

**9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

**10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam p&p secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompoun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperoleh dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Dalam usaha memastikan PS khususnya pentaksiran formatif membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka memahami.
- Dalam bentuk yang pelbagai seperti pemerhatian terhadap aktiviti yang dijalankan, projek dan sebagainya.
- Direka bentuk bagi membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Adil kepada semua murid.
- Mengambil kira pelbagai aras kognitif, afektif dan psikomotor.

**PENTAKSIRAN BERASASKAN STANDARD**

Pentaksiran berasaskan standard diperkenalkan iaitu menggunakan Standard Prestasi untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Pentaksiran rujukan standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum.

Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain.

Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan Negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

**STANDARD PRESTASI**

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru melakukan pentaksiran secara *one shot* melalui *professional judgement*.

**TAHAP PENGUASAAN**

Tahap penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki dan digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan standard kandungan.

## TAFSIRAN UMUM PENTAKSIRAN

Jadual 3: Tafsiran Umum Pentaksiran

| TAHAP PENGUSAAN | TAFSIRAN |
|---|---|
| 1 | Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas. |
| 2 | Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari. |
| 3 | Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi. |
| 4 | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik. |
| 5 | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, tekal dan bersikap positif. |
| 6 | Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi. |

## KERANGKA STANDARD PRESTASI BAHASA ARAB

Pentaksiran formatif dengan menggunakan Standard Prestasi Bahasa Arab adalah berdasarkan kerangka berikut:

Jadual 4: Kerangka Standard Prestasi Bahasa Arab Sekolah Rendah

| TAHAP PENGUSAAN | TAFSIRAN |
|---|---|
| 1 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **bersedia untuk mempraktikkannya dengan bimbingan guru**. |
| 2 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **mampu untuk mempraktikkannya secara sedar** (*awareness* – memperolehi kemahiran melalui sesi pembelajaran secara langsung tetapi belum mencapai tahap konsisten). |
| 3 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **mampu untuk mempraktikkannya secara konsisten**. |
| 4 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **mampu untuk mempraktikkannya secara konsisten dan menepati situasi** (secara beradab, mengikut kehendak guru, arahan atau soalan). |
| 5 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **mampu untuk mempraktikkannya secara konsisten, menepati situasi dan sukarela**. |
| 6 | Murid mengetahui kemahiran-kemahiran asas bahasa Arab dan **mampu untuk mempraktikkannya secara konsisten, menepati situasi dan mithali** (menjadi contoh). |

## ORGANISASI KANDUNGAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Arab ini dibangunkan berdasarkan kurikulum standard. Penyataan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi dihasilkan dengan menyokong keperluan pembelajaran bahasa. Sehubungan itu, organisasi kandungan dokumen ini meliputi kemahiran berbahasa; seni bahasa; unsur bahasa dan pentaksiran.

### Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan perkara asas dalam penguasaan dan pembelajaran bahasa. Murid yang menguasai kemahiran bahasa akan dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk mendalami bahasa yang dipelajari dengan lebih baik. Kemahiran bahasa terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

1. **Kemahiran Mendengar** merupakan kemampuan murid untuk mendengar dan memahami perkara yang didengar dan memberi respon terhadapnya.

2. **Kemahiran Bertutur** pula merupakan kemampuan murid untuk berkomunikasi dan menyampaikan idea dan maklumat melalui ungkapan dengan menitik beratkan tekanan suara yang betul dan intonasi yang sesuai.

3. **Kemahiran Membaca** bermaksud kemampuan murid untuk membaca dengan betul dan memahami teks yang dibaca.

4. **Kemahiran Menulis** pula bermaksud kemampuan murid untuk menulis huruf, perkataan dan ayat dengan betul. Murid juga digalakkan untuk menunjukkan bakat mereka dalam menghasilkan penulisan khat Arab yang cantik.

### Seni Bahasa

Aktiviti seni bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab sangat penting untuk menarik minat murid sekaligus menyokong penguasan kemahiran berbahasa dan pembelajaran berpusatkan murid. Contoh aktiviti seni bahasa yang sesuai dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia seperti; nyanyian, *kalam jama'ei*, lakonan, buku skrap, kad ucapan, poster, mendeklamasi sajak dan bercerita.

### Tema Pembelajaran Bahasa

Pemilihan tema untuk Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah adalah berdasarkan perkara yang berkaitan dengan murid sekolah rendah secara langsung dengan alam persekitaran

mereka. Tema utamanya adalah yang berkaitan dengan alam di rumah dan di sekolah. Selain daripada itu, sub-sub tema yang berkaitan dengan keperluan semasa seperti sains dan teknologi, keusahawanan, patriotisme serta kelestarian global turut dijelmakan dalam tema-tema yang bersesuaian. Tema dan sub tema tersebut ialah; Dunia Huruf *al-Hijaiyyah*, Dunia Murid di Rumah, Dunia Murid di Sekolah, Anggota Badan, Hobi dan Cita-Cita, Nombor dan Bilangan, Warna, Bentuk dan Kedudukan, Waktu dan Masa, Makanan dan Minuman, Dunia Haiwan serta Sains dan Teknologi.

**Unsur Bahasa**

Unsur bahasa merupakan elemen yang sangat penting dalam mempelajari sesuatu bahasa sebagaimana pentingnya kemahiran bahasa itu sendiri. Unsur bahasa yang ditekankan dalam Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah ini adalah; Sistem Fonetik, Kosa Kata, Tatabahasa dan Kata-Kata Hikmah.

1. Sistem Fonetik

Sistem fonetik merupakan elemen yang amat penting dalam pengajaran bahasa Arab. Ia bertujuan melatih murid menyebut perkataan, membaca ayat dan ungkapan dengan betul serta mampu menguasai dan membezakan sebutan dengan baik.

2. Kosa Kata

Pemilihan kosa kata dari tema-tema yang telah disenaraikan sebelum ini adalah berdasarkan perkembangan murid dari aspek mental dan fizikal serta keperluan-keperluan tertentu yang bersesuaian.

3. Tatabahasa

Elemen tatabahasa Arab dalam Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah diterapkan secara implisit dalam dokumen dan pelaksanaannya. Tatabahasa fungsian yang paling asas disepadukan dalam pembelajaran murid oleh guru secara tidak langsung dengan mengambil kira tahap kemampuan murid.

4. Kata-kata Hikmah

Kata-kata hikmah Arab yang mudah dituturkan oleh murid dan dekat dengan kehidupan mereka boleh didedahkan secara tidak langsung dalam pengajaran guru sebagai salah satu kaedah pemerolehan bahasa. Kata-kata hikmah tersebut mengandungi unsur-unsur pengajaran, nilai-nilai murni dan akhlak mulia.

## STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI

Jadual 5: Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Standard Prestasi |
|---|---|---|
| Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. | Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. | Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid. |

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

## معيار المحتوى والتعلم للصف الأول

### (1) مهارة الاستماع والكلام

| معيار المحتوى | | معيار التعلم | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [1.1] الاستماع إلى أصوات الحروف الهجائية (ا / ب ت ث / ج ح خ / د ذ / ر ز / س ش / ص ض / ط ظ / ع غ / ف ق / ك / ل / م / ن / و / ه / ء / ي) في الكلمات ونطقها بحركاتها المختلفة (الفتحة/الكسرة/الضمة) نطقا صحيحا. | 1.1.1 | القدرة على محاكاة أصوات الحروف المسموعة وترديدها ونطقها. | تطبيق " حروفي المرحة " لتعليم الأبجدية بشكل ممتع.<br>ملاحظة مهمة: يعتمد التطبيق نظام نطق صوت الحرف المسموع باستخدام طريقة صوتية بدلا من طريقة حرفية وفق طرق تدريس المعاصرة والحديثة.<br>التنفيذ من خلال الأناشيد والكلام الجماعي. |
| | 1.1.2 | القدرة على تحديد أصوات الحروف المسموعة. | التنفيذ من خلال حركات الجسم، والإشارات، والإيماءات ... إلخ. |
| | 1.1.3 | القدرة على تمييز أصوات الحروف المسموعة. | التنفيذ من خلال اللعبة اللغوية مثل الرسالة المهموسة والتلوين. |
| | 1.1.4 | القدرة على تكوين الحروف المسموعة. | التنفيذ باستخدام الصلصال والمواد الخامة مثل أوراق الجريدة. |

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [1.2] الاستماع إلى أصوات الحروف الهجائية المركزة (م/ب/ت/ا/ج/د/ك/ن)* في الكلمات بحركاتها المختلفة (في أول/وسط/آخر الكلمة). | 1.2.1 | القدرة على **محاكاة** المقطع المسموع وترديده ونطقه نطقا صحيحا. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات ... إلخ. |
| | 1.2.2 | القدرة على **تحديد** المقطع المسموع. | لعبة البطاقة ولعبة القنبلة. |
| | 1.2.3 | القدرة على **تمييز** المقطع المسموع. | لعبة البطاقة، ولعبة القنبلة، ولعبة اختيار البطاقة. |
| *ترتيب الحروف يكون على السهولة في النطق. | 1.2.4 | القدرة على **تكوين** المقطع المسموع. | لعبة البطاقة والأوراق، والصلصال، ولعبة الكلمات المتقاطعة. |
| [1.3] الاستماع إلى الكلمات التي فيها الحركات المختلفة (الحركات القصيرة والطويلة، والساكنة، والمشددة) ونطقها نطقا صحيحا. | 1.3.1 | القدرة على **محاكاة** الكلمات وترديدها ونطقها. | التنفيذ من خلال الألعاب الشفهية، والأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإيماءات، وتمثيل الحوار. |
| | 1.3.2 | القدرة على **تحديد** الكلمات المسموعة. | تلوين صور للكلمات المسموعة. |
| | 1.3.3 | القدرة على **تمييز** الكلمات المسموعة. | تعيين صور للكلمات المسموعة، وتعيين الحركات القصيرة والطويلة من خلال الإيماءات، والإشارات، واللعبة اللغوية (محطة الكلمات). |
| | 1.3.4 | القدرة على **تكوين** الكلمات من الحروف المسموعة. | تركيب الكلمات باستخدام المواد المختلفة، وتشكيل الكلمات المسموعة، ولعبة sahibba، وألعاب الكلمات، وألعاب تخمين المفردات، وألعاب عشوائية الكلمات. |
| | 1.3.5 | القدرة على **إنتاج** الملصقات وسجل القصاصات للكلمات المسموعة. | التنفيذ من خلال العمل الجماعي. |

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [1.4] الاستماع إلى التحيات والترحيبات.<br>صباح الخير صباح النور<br>مساء الخير مساء النور<br>أهلا وسهلا أهلا بكَ /كِ | 1.4.1 | القدرة على الاستماع إلى التحيات والترحيبات، ومحاكاتها وترديدها ونطقها نطقا صحيحا من حيث النبر والتنغيم. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والحوار، واستخدام الصور. |
| | 1.4.2 | القدرة على تمثيل التحيات والترحيبات المسموعة ارتجاليا. | التمثيل وألعاب السؤال والجواب. |
| [1.5] الاستماع ونطق الأرقام والأعداد (1-10) ونطقها نطقا صحيحا. | 1.5.1 | القدرة على الاستماع إلى الأرقام والأعداد وترديدها ونطقها. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات. |
| | 1.5.2 | القدرة على ترتيب الأرقام والأعداد المسموعة شفهيا. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات، وتمثيل الحوار، ولعبة النط، والفوازير والاستكشاف... إلخ |
| | 1.5.3 | القدرة على تمييز الأرقام والأعداد المسموعة. | لعبة كم العدد؟ لعبة البطاقة. |
| | 1.5.4 | القدرة على تسميع الأرقام والأعداد المحفوظة وتنفيذ عملية العد: (1-10) | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات والإيماءات، وتمثيل الحوار، ولعبة النط، والفوازير ولعبة الاستكشاف... إلخ. |

(2) مهارة القراءة

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [2.1] قراءة الحروف الهجائية (ا / ب ت ث / ج ح خ / د ذ / ر ز / س ش / ص ض / ط ظ / ع غ / ف ق / ك / ل / م / ن / و / هـ / ء / ي) في الكلمات بحركاتها المختلفة (الفتحة/الكسرة/ الضمة) قراءة صحيحة. | 2.1.1 | القدرة على **محاكاة** قراءة الحروف المسموعة وترديدها ترديدا صحيحا. | تطبيق " حروفي المرحة " لتعليم الأبجدية بشكل ممتع. ملاحظة مهمة: يعتمد التطبيق نظام قراءة الحروف المسموعة باستخدام طريقة صوتية بدلا من طريقة حرفية وفق طرق تدريس المعاصرة والحديثة. التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، والقراءة الجهرية |
| | 2.1.2 | القدرة على **تحديد** الحروف المقروءة. | التنفيذ من خلال تعيين بطاقات الكلمات أو الحروف، والإشارات والإيماءات .. إلخ |
| | 2.1.3 | القدرة على **تمييز** الحروف المقروءة. | التنفيذ من خلال اللعبة اللغوية مثل توفيق الحروف بالكلمات وتفصيل الحروف وتوصيلها باستخدام البطاقة. |
| | 2.1.4 | القدرة على **تكوين** الحروف المقروءة. | التنفيذ باستخدام الصلصال والمواد الخامة مثل أوراق الجريدة. |

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [2.2] قراءة الحروف الهجائية المركزة (م/ب/ت/ا/ج/د/ك/ن) في الكلمات بحركاتها المختلفة (في أول/وسط/آخر الكلمة) قراءة صحيحة. | 2.2.1 | القدرة على **محاكاة** قراءة المقطع المسموع. | التنفيذ من خلال القراءة الجهرية، والأناشيد وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات. |
| | 2.2.2 | القدرة على **تحديد** المقطع المقروء. | لعبة البطاقة ولعبة القنبلة. |
| | 2.2.3 | القدرة على **تمييز** المقطع المقروء. | لعبة البطاقة، ولعبة القنبلة، ولعبة اختيار البطاقة. |
| | 2.2.4 | القدرة على **تكوين** المقطع المقروء. | لعبة البطاقة والأوراق، والصلصال، ولعبة الكلمات المتقاطعة. |
| [2.3] قراءة الكلمات المتعلقة بالحروف الهجائية التي فيها الحركات المختلفة (الحركات القصيرة والطويلة، والساكنة، والمشددة) قراءة صحيحة. | 2.3.1 | القدرة على **محاكاة** قراءة الكلمات وترديدها وقراءتها قراءة صحيحة. | التنفيذ من خلال القراءة الجهرية، والأناشيد والكلام الجماعي وحركات الجسم، والإيماءات، وتمثيل الحوار، وألعاب البطاقات والصور. |
| | 2.3.2 | القدرة على **تهجئة** الكلمات. | التنفيذ بطريقة صوتية. |
| | 2.3.3 | القدرة على **تحديد** الكلمات المقروءة. | تلوين صور للكلمات المقروءة وتوفيق الصور بالكلمات. |

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| | 2.3.4 | القدرة على تمييز الكلمات المقروءة. | تعيين صور للكلمات المقروءة، وتعيين الحركات القصيرة والطويلة من خلال الإيماءات، والإشارات، واللعبة اللغوية (محطة الكلمات). |
| | 2.3.5 | القدرة على تكوين الكلمات من الحروف المقروءة. | المثال: تركيب الكلمات باستخدام المواد المختلفة، وتشكيل الكلمات المسموعة، ولعبة sahibba، وألعاب الكلمات، وألعاب تخمين المفردات، وألعاب عشوائية الكلمات. |
| | 2.3.6 | القدرة على إنتاج الملصقات وسجل القصاصات للكلمات المقروءة. | التنفيذ من خلال العمل الجماعي. |
| [2.4] قراءة التحيات والترحيبات قراءة صحيحة.<br>صباح الخير صباح النور<br>مساء الخير مساء النور<br>أهلا وسهلا أهلا بكَ /كِ | 2.4.1 | القدرة على محاكاة قراءة التحيات والترحيبات وترديدها وقراءتها قراءة صحيحة من حيث النبر والتنغيم. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والحوار ، واستخدام الصور. |
| | 2.4.2 | القدرة على تمثيل التحيات والترحيبات المقروءة ارتجاليا. | التمثيل وألعاب السؤال والجواب. |

| معيار المحتوى | معيار التعلم | | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| | 2.4.3 | القدرة على تصنيف التحيات والترحيبات المقروءة. | التنفيذ من خلال تحليل التحيات والترحيبات باستخدام الصور. |
| [2.5] قراءة الأرقام والأعداد (1-10) قراءة صحيحة. | 2.5.1 | القدرة على محاكاة قراءة الأرقام والأعداد وترديدها وقراءتها قراءة صحيحة. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات. |
| | 2.5.2 | القدرة على ترتيب الأرقام والأعداد المقروءة. | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات والإيماءات، وتمثيل الحوار، ولعبة النط، والفوازير، والاستكشاف... إلخ. |
| | 2.5.3 | القدرة على تمييز الأرقام والأعداد وقراءتها قراءة صحيحة. | لعبة كم العدد؟<br>لعبة البطاقة. |
| | 2.5.4 | القدرة على قراءة الأرقام والأعداد وتنفيذ عملية العد: (1-10) | التنفيذ من خلال الأناشيد، والكلام الجماعي، وحركات الجسم، والإشارات، والإيماءات، وتمثيل الحوار، ولعبة النط، والفوازير، ولعبة الاستكشاف... إلخ. |

## (3) مهارة الكتابة

| معيار المحتوى | | معيار التعلم | الملاحظة |
|---|---|---|---|
| [3.1] نسخ الحروف نسخا صحيحا. | 3.1.1 | القدرة على مسك أدوات الكتابة بطريقة صحيحة. | لعبة المرآة. |
| | 3.1.2 | القدرة على تحريك اليد والأصابيع حسب الاتجاه الصحيح لكتابة الحروف. | لعبة التخمين والكتابة على الهواء. |
| | 3.1.3 | القدرة على وصل النقاط لتكون حرفا. | صندوق العجائب. |
| | 3.1.4 | القدرة على نسخ الحروف الهجائية. | مسابقة النسخ والتلوين.<br>تكوين الحروف باستخدام الأدوات المختلفة. |
| [3.2] نسخ المقاطع نسخا صحيحا. | 3.2.1 | القدرة على نسخ المقاطع. الحروف : (الحروف التي لا يتصل بها). | الإملاء من خلال لعبة القطار. |
| [3.3] نسخ الكلمات نسخا صحيحا. | 3.3.1 | القدرة على نسخ الكلمات المتعلقة بالحروف الهجائية (ا / ب ت ث / ج ح خ / د ذ / ر ز / س ش / ص ض / ط ظ / ع غ / ف ق / ك / ل / م / ن / و / ه / ء / ي). | البحث عن الكنز. |
| [3.4] نسخ الأرقام والأعداد (1-10) نسخا صحيحا. | 3.4.1 | القدرة على نسخ الأرقام والأعداد. | قاموسي المصور. |

## معيار الإنجازات (للمهارات الاستماع والكلام والقراءة والكتابة)

| المستويات | تفصيل المعيار |
|---|---|
| 1 | تعرّف التلميذ على المهارات اللغوية الأساسية واستعداده لتطبيقها مع **إرشاد المعلم**. |
| 2 | تعرّف التلميذ وقدرته على التطبيق بالمهارات اللغوية الأساسية مع كونه **واعيا**. |
| 3 | تعرّف التلميذ وقدرته على التطبيق بالمهارات اللغوية الأساسية مع كونه **ثـابتا**. |
| 4 | تعرّف التلميذ وقدرته على التطبيق بالمهارات اللغوية الأساسية مع كونه **ثابتا ومناسبا بالمواقف**. |
| 5 | تعرّف التلميذ وقدرته على التطبيق بالمهارات اللغوية الأساسية مع كونه **ثابتا ومناسبا بالمواقف ومتطوعا**. |
| 6 | تعرّف التلميذ وقدرته على التطبيق بالمهارات اللغوية الأساسية مع كونه **ثابتا ومناسبا بالمواقف ومثاليا**. |

## PANEL PENGGUBAL

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Safian bin Adam | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Mior Syazril bin Mohamed Sapawi | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Arni Suharti binti Mohamed Yasin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. | Anuar Hamdi bin Ismail | Bahagian Buku Teks |
| 5. | Norazida binti Ibrahim | Lembaga Peperiksaan |
| 6. | A'edah binti Zakaria | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi |
| 7. | Amran bin Abdul Rahman | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi |
| 8. | Mohd Ikmal Izwan bin Rosli | SK Batu 38, Sabak Bernam, Selangor |
| 9. | Yusila binti Ishak @ Yusoff | SK Kg. Jawa (2), Klang, Selangor |
| 10. | Mohd Yusri bin Kamarudin | SK Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka |
| 11. | Nor Masayu binti Mat Resid | SK Putrajaya Presint 11(1), Putrajaya |

## TURUT MENYUMBANG

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Mohd Khairur Rosikhan bin M. Muridun | JPN Perak |
| 2. | Nazri bini Samsudin | JPN Selangor |
| 3. | Ahmad Suhaimi binti Abd Hapis | JPWP Kuala Lumpur |
| 4. | Pauziah binti Othman | SK Bukit Beringin, Alor Gajah, Melaka |
| 5. | Zuliyana binti Yahaya | SK (1) Selayang Baru, Gombak, Selangor |
| 6. | Faizah binti Hamzah | SK Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya |
| 7. | Maizathul Sazila binti Othman | SK Taman Anggerik, Johor Bahru, Johor |
| 8. | Suraiya binti Mohd Yusof | SK Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan |
| 9. | Hakimi bin Md Said | SK Tunku Muda, Serting, Negeri Sembilan |

## PENGHARGAAN

### Penasihat

| | |
|---|---|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| En. Shamsuri bin Sujak | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah |

### Penasihat Editorial

| | |
|---|---|
| Dr. A’azmi bin Shahri | - Ketua Sektor |
| En. Idrus bin Abdul Rahman | - Ketua Sektor |
| Tn. Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Pn. Chetrilah binti Othman | - Ketua Sektor |
| Pn. Zaidah binti Mohd. Yusof | - Ketua Sektor |
| En. Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| En. Mohamad Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Pn. Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya,
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
http://www.moe.gov.my/bpk